


1.4 Kerajaan Alam Melayu Dan Kerajaan Luar Yang Sezaman

Kerajaan Alam Melayu mempunyai :



Kerajaan Luar yang Sezaman

Kerajaan \ Abad	Pertama	Kesembilan	Ke-14
Kerajaan Alam Melayu	Funan	Champa, Srivijaya, Angkor	Champa, Angkor, Majapahit
Kerajaan Luar	• Empayar Rom • Empayar Parsi • Empayar Kushan • Dinasti Han	• Abbasiyah • Achola • Epayar Byzantine • Dinasti Tang	• Turki Uthmaniyah • Kesultanan Delhi • Empayar Mongol

Hubungan Perdagangan

- **Kedudukan strategik di laluan perdagangan** timur dan barat serta **kekayaan hasil bumi** mendorong pemerintahan kerajaan Alam Melayu menjalinkan hubungan perdagangan dengan kerajaan lain.

Hubungan Keagamaan

- Mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan seperti **pentadbiran, perundangan, ekonomi dan sosiobudaya**.
- Hubungan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar mendorong **penyebaran agama**:

a) Hindu

Terdapat beberapa cara penyebaran agama Hindu di Alam Melayu, iaitu melalui **peranan pedagang, tentera dan golongan Brahmin**.

b) Buddha

Peranan Asoka, pemerintah empayar Maurya, menghantar sami-sami Buddha ke Alam Melayu untuk **menyebarkan agama Buddha**.

c) Islam

Terdapat beberapa cara penyebaran agama Islam di Alam Melayu, iaitu melalui **peranan pedagang, pemerintah dan pendakwah**.

Hindu

Terdapat beberapa cara penyebaran agama Hindu di Alam Melayu, iaitu melalui peranan pedagang, tentera dan golongan Brahmin.



Penemuan artifak pengaruh Hindu di Lembah Bujang, Kedah.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Didier Millet, 1998, km. 120)

Buddha

Peranan Asoka, pemerintah empayar Maurya, menghantar sami-sami Buddha ke Alam Melayu untuk menyebarkan agama Buddha.



Penemuan artifak pengaruh Buddha di Lembah Bujang, Kedah.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Didier Millet, 1998, km. 98)

Islam

Terdapat beberapa cara penyebaran agama Islam di Alam Melayu, iaitu melalui peranan pedagang, pemerintah dan pendakwah.



Ukiran pengaruh Islam yang ditemukan di Beruas, Perak.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Didier Millet, 1998, km. 132)

Hubungan Diplomatik

- Hubungan diplomatik merupakan **hubungan politik antara dua kerajaan**.

- Kerajaan Alam Melayu telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan **kerajaan di China dan India** bagi mengukuhkan kedudukan dan membuka jalan kepada perkembangan perdagangan.

Hubungan Kerajaan Alam Melayu dengan China melalui Penghantaran Utusan.

Kerajaan	Tujuan
Funan	Memohon bantuan ketenteraan untuk melawan Dai Viet
Champa	Memulihkan hubungan setelah berperang dengan Dai Viet
Majapahit	Menjalinkan hubungan persahabatan
Srivijaya	Mendapatkan pengiktirafan dan memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan
Angkor	Memperkukuh persahabatan dan perdagangan
Kedah Tua	Memperkukuh hubungan perdagangan

Hubungan Kerajaan Alam Melayu dengan India melalui Penghantaran Utusan.

Kerajaan	Tujuan
Funan	Memperkukuh hubungan perdagangandan keagamaan dengan India
Srivijaya	Mengeratkan hubungan persahabatan dan hubungan keagamaan
Majapahit	Mengeratkan hubungan persahabatan
Angkor	Mengeratkan hubungan persahabatan

Kesimpulan

- Perkembangan **hubungan perdagangan** ini menunjukkan amalan sikap keterbukaan para pemerintah kerajaan Alam Melayu telah membawa kemakmuran ekonomi.
- **Penyebaran agama-agama** ini ke Alam Melayu menggambarkan sikap keterbukaan penduduk Alam Melayu. Agama Hindu dan Buddha telah dianuti oleh sebahagian penduduk tempatan. Setelah kedatangan agama Islam, sebahagian besar penduduk di Alam Melayu menganut agama ini.
- Kerajaan-kerajaan Alam Melayu bersifat terbuka dan saling menghormati dalam **menjalinkan hubungan dengan kerajaan luar**. Hubungan ini penting untuk membantu kemajuan kerajaan Alam Melayu. Jelaslah bahawa pemerintah kerajaan Alam Melayu bijak mengurus hubungan kerajaannya dengan kerajaan luar.

Praktis Skill

1. Tandakan (v) pada kerajaan luar yang sezaman dengan kerajaan Alam Melayu.

Kerajaan	Kerajaan Luar yang Sezaman					
Abad pertama: Kerajaan Funan		Empayar Rom		Empayar Mongol		Dinasti han
		Kesultanan Delhi		Empayar Parsi		Empayar Kushan
Abad kesembilan: Kerajaan Angkor, Champa dan Srivijaya		Empayar Rom		Empayar Byzantine		Kerajaan Chola
		Kerajaan Abbasiyah		Dinasti tang		Dinasti Han
Abad ke-14: Kerajaan Angkor, Champa dan Majapahit		Empayar Kushan		Dinasti han		Kesultanan Delhi
		Empayar Mongol		Kerajaan turki Uthmaniyah		Empayar rom

2. Lengkapkan jadual di bawah berkaitan cara penyebaran agama ke Alam Melayu.

Agama	Cara Penyebaran
Islam	
Hindu	
Buddha	

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul berkaitan hubungan diplomatic kerajaan Alam Melayu dengan China dan India.

Kerajaan	China	India
Funan	Memohon bantuan _____ untuk melawan _____.	Memperkukuh _____ hubungan _____ dan _____.
Champa	Memulihkan hubungan setelah berperang dengan sekutu _____ iaitu _____.	
Srivijaya	Mendapatkan _____ dan memperkukuh _____ hubungan _____ dan _____.	Mengeratkan _____ hubungan _____ dan _____.
Kedah Tua	Memperkukuh _____ hubungan _____.	
Angkor	Memperkukuh _____ dan _____.	Mengeratkan _____ hubungan _____.
Majapahit	Menjalinkan _____ hubungan _____.	Mengeratkan _____ hubungan _____.